

04/03/2003

ITNMB terjemah 50 judul buku ilmiah luar negara

Syuhada Choo Abdullah

INSTITUT Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) sedang melaksanakan projek penterjemahan lebih 50 judul buku ilmiah dalam pelbagai bidang yang

hampir kesemuanya adalah hasil karya penulis luar negara, dengan usaha sama empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pengarah Eksekutif ITNMB, Hamidah Baba, berkata IPTA berkenaan ialah Universiti Sains Malaysia (USM) membabitkan penterjemahan sebanyak 16 judul, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) empat, Universiti Utara Malaysia (UUM) 22, dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 17.

Katanya, judul buku di bawah projek usaha sama dengan USM ialah dalam bidang ekonomi dan pengurusan (dua), sains dan teknologi (sembilan), teknologi maklumat (satu), buku umum/sastera/bahasa/sains sosial/Islam/karya agung (tiga), dan pendidikan (satu).

Sementara itu, UTM pula bidang sains dan teknologi (empat); UUM - ekonomi dan pengurusan (18), teknologi maklumat (tiga) dan pendidikan (satu), serta UPSI - ekonomi dan pengurusan (satu), sains dan teknologi (tiga), teknologi maklumat (dua), buku umum/sastera/bahasa/sains sosial/Islam/karya agung (lima) dan pendidikan (lima), manakala satu judul lagi sedang dikenal pasti.

"Projek berkenaan adalah sebahagian daripada penterjemahan 181 judul buku diusahakan oleh ITNMB tahun ini, termasuk yang dilaksanakan di bawah

usaha sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Yayasan Penataran Ilmu serta S Abdul Majeed," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Selain itu, Hamidah berkata, ITNMB juga akan melancarkan 14 buku terjemahan dalam pelbagai bidang yang dikumpulkan sebagai Koleksi Minda YAB Perdana Menteri Malaysia, termasuk lima buku hasil karya Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad sendiri, 12 Mei ini.

Lima buku terbabit ialah 'Globalisasi, Perkongsian Pintar dan Kerajaan'

terbitan 2000 di bawah bidang umum, 'Islam dan Umat Islam' (2000 - Islam),

'Pengurusan Ekonomi Malaysia' (2000 - pengurusan), 'Politik, Demokrasi dan

Asia Baru' (2000 - politik), serta 'Kerjasama Serantau dan Ekonomi

Digital' (2001 - umum), sementara baki sembilan lagi buku adalah karya penulis lain yang dihasil berteraskan pemikiran Dr Mahathir.

Katanya, buku terbabit bertajuk 'Perubahan Fasa Ekonomi Malaysia' terbitan 1999 di bawah bidang pengurusan, 'Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia' (1998 - pengurusan), 'Pembangunan Ekonomi dalam Islam' (2000 - Islam) dan 'Astronomi Islam dan Perkembangan Sains' (1996 - Islam).

Seterusnya, beliau berkata, 'Undang-undang Keterangan Islam' (1994 - Islam), 'Wawasan 2020 Malaysia' (1993 - pengurusan), 'Koridor Raya Multimedia' (1999 - teknologi maklumat), 'Lingkar Pasifik dalam Abad Ke-

21' (1995 - pengurusan), dan juga 'Wawasan dan Kepemimpinan - Nilai dan

Strategi Ke Arah Wawasan 2020' (1995 - pengurusan).

"Pelancaran koleksi itu adalah antara projek terbaru ITNMB yang akan membolehkan orang ramai mendapat maklumat lebih luas serta gambaran lebih

lebih mengenai wawasan dan aliran pemikiran Perdana Menteri," katanya.

Sehingga 31 Disember lalu, Hamidah berkata, ITNMB mempunyai seramai 1,022 penterjemah, penyunting dan jurubahasa sambilan, termasuk 642 penterjemah/ penyunting bahasa Melayu-bahasa Inggeris-bahasa Melayu, penterjemah/penyunting bahasa asing (179) dan jurubahasa bahasa asing (201).

Beliau berkata, ITNMB sudah menerbitkan 43 judul buku terjemahan mencakupi bidang sastera (satu), kejuruteraan (dua), sains (lapan), Islam (satu), pengurusan (satu), pendidikan (23), umum (satu) dan teknologi maklumat (enam).

"Dari segi pecahan mengikut kumpulan sasar pula, sebanyak lima judul adalah untuk peringkat pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah (empat), universiti (dua) dan baki 32 lagi adalah bagi pembaca kategori umum," katanya.

Bagi menyediakan generasi pelapis yang boleh membantu memperkembangkan industri penterjemahan pada masa depan, Hamidah berkata, ITNMB turut mengambil inisiatif menganjurkan seminar sekurang-kurang dua kali setahun

untuk mereka yang berminat menjadi penterjemah mahupun jurubahasa.

Bagaimanapun ketika ini, beliau berkata, ITNMB sedang berusaha mendapatkan sumber tenaga yang berkemahiran dalam bahasa Sulu dari Sabah berikutan ada permintaan untuk mempelajari bahasa berkenaan daripada agensi berkaitan seperti kastam dan imigresen.